



## KENYATAAN AKHBAR

### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 DISEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 14 Disember 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembah : **4,301 kes** (2,610,610 kes kumulatif, 96.7%);
- Kes baharu : **4,097 kes** (2,699,240 kes kumulatif);
- Kes import : **18 kes** (15 warganegara; 3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,079 kes** [3,821 warganegara (93.7%); 258 bukan warganegara (6.3%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **382 kes** (330 kes disahkan COVID-19; 52 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **201 kes** (144 kes disahkan COVID-19; 57 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **6,049 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **6 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,804 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **245** kluster.

Daripada **4,097 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **86 kes (2.1 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,011 kes (97.9 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM juga ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**); dan
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

14 Disember 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1**

**NILAI R<sub>T</sub> MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 13 DISEMBER 2021**

NEGERI	NILAI R <sub>T</sub>
NEGERI SEMBILAN	1.02
PAHANG	1.01
PULAU PINANG	1.01
PERLIS	1.01
MELAKA	1.00
WP KUALA LUMPUR	0.99
JOHOR	0.99
PERAK	0.99
TERENGGANU	0.98
KELANTAN	0.98
SELANGOR	0.96
KEDAH	0.94
WP LABUAN	0.93
WP PUTRAJAYA	0.86
SABAH	0.86
SARAWAK	0.73
MALAYSIA	0.94